

Pelancongan diurus rapi tak jejas alam sekitar — PM

ULM 2. AUG 1992
KUALA LUMPUR 1 Ogos
— Perdana Menteri, Dato'
Sri Dr. Mahathir Mohamad
menegaskan bahawa tidak semestinya sesuatu projek pembangunan sektor pelancongan

akan membawa kesan buruk kepada alam sekitar sekiranya diurus dengan perancangan yang rapi.

Dengan itu, katanya, pelaksanaan projek-projek pemba-

ngunan sektor tersebut hendaklah dirancang supaya sesuatu kawasan terlibat dijamin supaya tidak tercemar.

Menurut beliau lagi, jika pengusaha memusnahkan ke-

cantikan persekitaran negara ini, terutamanya di pusat-pusat peranginan, daya tarik negara akan hilang dan pelancong asing tidak akan berminat untuk datang ke Malaysia.

"Dengan perancangan yang rapi, kita boleh melaksanakan pembangunan pelancongan mengikut pengurusan yang betul iaitu memperkembangkan aktiviti pelancongan ke tahap yang tidak menjejaskan keadaan alam semulajadi," katanya ketika melancarkan kempen publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau percaya semua pihak sama ada rakyat yang mengikuti perbincangan-perbincangan mengenai perubahan alam se-

kitar, mahupun pengusaha-pengusaha pelancongan menyedari perlunya mengimbangkan kemajuan sektor pelancongan yang melibatkan pembangunan fizikal dengan keperluan melindungi dan mengekalkan keadaan alam sekitar.

Katanya, pengusaha industri pelancongan tentu sedar bahawa pelancong asing terutamanya tidak datang untuk melihat bangunan yang terdapat di seluruh dunia tetapi ingin menikmati keindahan alam semulajadi.

"Pelancongan di Malaysia masih mempunyai potensi yang besar untuk tumbuh dengan pesat walaupun pelancongan di negara ini boleh dikatakan baru berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini," ujarnya.